

27/02/1997

Usaha gagalkan laporan EIA

BENTONG, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mendedahkan ada pihak mahu menggagalkan usaha menyiapkan laporan kesan alam sekitar (EIA) bagi cadangan projek lebuh raya menghubungkan tiga kawasan tanah tinggi di Banjaran Titiwangsa.

Katanya, dengan sengaja lewat-lewatkan proses penyediaan laporan EIA itu, kata Perdana Menteri, pihak terbabit berharap cadangan projek berkenaan akan lewat, sekaligus menyebabkan kos meningkat.

"Kita sedang menunggu laporan EIA dan kita berharap ia dapat disediakan lebih awal kerana usaha untuk sengaja lewat-lewatkan ini akan menyebabkan kos meningkat.

"Kalau kos meningkat mungkin ia tidak jadi ekonomik dan kita tidak akan bina lebuh raya ini. Mungkin ada usaha untuk melambat-lambatkan proses ini," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Kabinet di Resort Bukit Tinggi, dekat sini hari ini.

Perdana Menteri mengulas mengenai perkembangan terbaru cadangan projek lebuh raya menghubungkan kawasan peranginan Genting Highlands-Bukit Fraser dan Cameron Highlands.

Jumaat lalu, beliau berkata, kerajaan mahu membina lebuh raya menghubungkan ketiga-tiga kawasan tanah tinggi itu bagi membolehkan rakyat menikmati keindahan alam dan kesegaran udara sejuk di negara sendiri tanpa membelanjakan wang untuk melancong ke negara beriklim sejuk.

Projek seumpama itu, katanya, memang membabitkan kemusnahan alam sekitar seperti penebangan pokok dan meneres bukit tetapi kerajaan akan memastikan ia dilakukan pada tahap paling sedikit.

Dr Mahathir juga mendedahkan usaha pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang mengkritik projek seperti itu tetapi membiarkan kegiatan penebangan hutan secara menyeluruh di hutan negara beriklim sejuk.

Kajian teknikal pembinaan lebuh raya 258 kilometer itu membabitkan perbelanjaan kira-kira RM10 juta. Apabila projek itu siap, jarak dari Genting Highlands ke Cameron Highlands hanya 200 kilometer manakala Genting Highlands ke Bukit Fraser pula sejauh 85 kilometer.

Kos keseluruhan projek itu dianggarkan lebih RM1 bilion dan dilaksanakan dengan mengutamakan alam sekitar di kawasan terbabit. Sementara itu, Menteri Kerjaraya, Datuk Seri S Samy Vellu, mengulas perkara yang sama berkata, kerja menyiapkan laporan EIA akan dilakukan mulai April depan.

(END)